

# PM GERAM SIKAP AHLI PERNIAGAAN YANG NAK KAYA CEPAT

**K**UALA LUMPUR 12 April — Dewan tempat berlangsungnya Simposium Bumiputera dan Ekonomi Negara sunyi-sepi apabila Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan rasa geramnya dengan sikap ahli-ahli perniagaan bumiputera yang mengambil jalan mudah untuk cepat menjadi kaya.

“Saya geram apabila idea saya seperti perniagaan secara franchise dan perniagaan mengeluarkan lamp shade atau tudung lampu tidak mendapat perhatian daripada peniaga-peniaga bumiputera,” katanya kepada hampir 1,000 peserta yang hadir.

Perniagaan tersebut, tambahnya, kini jelas mendapat kejayaan apabila golongan lain memulakan idea yang beliau kemukakan kepada peniaga-peniaga bumiputera.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, masalah dengan peniaga-peniaga bumiputera ialah mereka hanya mahu

mengambil jalan perniagaan yang menjanjikan pulangan yang mudah dan cepat supaya masing-masing boleh cepat kaya.

Tambah beliau, mereka ini, kalau boleh, mahu kerajaan memberi lesen sesuatu perniagaan yang besar-besar dan kemudiannya duduk di dalam bilik berhawa dingin dan membelanjakan wang pinjaman yang diperoleh dari bank-bank dengan membeli kereta-kereta mewah.

“Apalah salahnya kalau menjadi jutawan ketika berusia 70 tahun... dapat juga menikmati kekayaan buat seketika,” katanya secara berseloroh dengan disambut oleh gelak ketawa para hadirin.

Perdana Menteri berkata, “orang Melayu, sikap mereka ialah tidak mahu ditegur di hadapan ramai. Kalau boleh mereka mesti ditegur secara berbisik-bisik tetapi hari ini cara tersebut sudah tidak boleh digunakan lagi.”

Menurutnya, masih terdapat banyak peluang perniagaan di negara ini asalkan ahli-ahli perniagaan bumiputera berusaha dengan cara tersusun, cekap dan sanggup bekerja kuat untuk bersaing dengan masyarakat peniaga yang lain.

Tegas beliau, peniaga-peniaga bumiputera harus menganggap masalah atau rintangan yang mereka hadapi sebagai cabaran dalam dunia perniagaan dan tidak mengeluh atau meratap akan nasib masing-masing.

Beliau memberitahu, dalam apa juga perniagaan, mereka harus ingat pada asas amanah, rajin bekerja dan kecekapan pengurusan sebagai kunci kejayaan.

Beliau menasihatkan peniaga-peniaga bumiputera supaya tidak terlalu gopoh untuk menjadi kaya.

“Biar lambat asalkan selamat,” katanya sebelum mengakhiri ucapan perasmian simposium.